



**GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI
TAHAP 3**

KOLAM RENANG

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

17 Ogos 2020

GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN TAHAP 3: KOLAM RENANG

Merujuk kepada Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertarikh 13 Ogos 2020 mengenai **Perlaksanaan Pelan De-escalation Tahap Ketiga bagi Kolam Renang**. Bermula pada hari **Isnin, 26 Zulhijjah 1441 bersamaan 17 Ogos 2020**, di bawah **de-escalation tahap ketiga**, syarat-syarat dan garis panduan bagi kolam renang dikemaskinikan seperti berikut.

1. Kolam Renang **ditingkatkan daripada 60% kapasiti kepada 80% kapasiti dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti ruang pusat**;
2. **Tiada had umur**;
3. Bagi **Kolam-Kolam Renang** dibawah kawalan **Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan** ianya akan **dibukakan setiap hari**;
4. Hari-hari operasi bagi **Kolam-Kolam Renang lain** adalah **tertakluk kepada pemilik masing-masing**;
5. Menghadkan masa kepada **2 jam sehari bagi setiap orang**. **Masa Operasi** adalah seperti berikut :
 - 8:00 pagi-10:00 pagi
 - 10:00 pagi-12:00 tengahari
 - 12.00 tengahari – 2.00 petang (kerja-kerja pembersihan)
(hari Jumaat ditutup 11.30 pagi – 2.00 petang)
 - 2.00 petang- 4.00 Petang
 - 4.00 petang- 6.00 petang
6. Pemilik kolam renang untuk memastikan **tahap klorin adalah mengikut piawaian kesihatan** yang ditetapkan;
7. **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa iaitu pada kadar **kapasiti 100%**. Penyediaan makanan secara **buffet** adalah **dibenarkan dengan syarat makanan buffet dihidangkan (serve)** oleh pekerja premis makanan;
8. Menjaga **kebersihan diri**;
9. Individu yang mengalami **simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan masuk**;
10. **Syarat dan garis panduan lain** adalah seperti **Perincian lanjut** digariskan dalam **Lampiran A**.

Penggunaan Kolam Renang hendaklah mematuhi peraturan kerajaan. Bagi kesediaan operasi tahap 3, langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.

1. TANGGUNGJAWAB PENGGUNAAN KOLAM RENANG DIBAHAGIKAN KEPADA TIGA ASPEK: GARIS PANDUAN UMUM, TEMPAHAN AND PERATURAN KOLAM RENANG

a. Garis Panduan Umum.

- (1) Kolam Renang dibenarkan untuk beroperasi pada **kadar kapasiti 80% kapasiti dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti kolam;**
- (2) **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa iaitu pada kadar **kapasiti 100%**. Penyediaan makanan secara **buffet adalah dibenarkan dengan syarat makanan buffet dihidangkan (serve) oleh pekerja premis makanan;**
- (3) Membuat pendaftaran dan rekod yang sesuai di pintu masuk bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan. (Setiap fasiliti perlu mendaftar melalui aplikasi *Bruhealth* di laman sesawang www.healthinfo.gov.bn/register untuk penajaan QR code bagi pendaftaran pengguna).
- (4) Bagi **Kolam-Kolam Renang** dibawah kawalan **Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan** ianya akan **dibuka setiap hari;**
- (5) Hari-hari operasi bagi **Kolam-Kolam Renang lain** adalah **tertakluk kepada pemilik masing-masing;**
- (6) Menghadkan masa kepada **2 jam sehari bagi setiap orang. Masa Operasi** adalah seperti berikut :
 - 8:00 pagi-10:00 pagi
 - 10:00 pagi-12:00 tengahari
 - 12.00 tengahari – 2.00 petang (kerja-kerja pembersihan)
(hari Jumaat ditutup 11.30 pagi – 2.00 petang)
 - 2.00 petang- 4.00 Petang
 - 4.00 petang- 6.00 petang
- (7) Membersihkan dan mensanitasi peralatan Kolam Renang sebelum dan selepas digunakan.
- (8) Pengguna hendaklah membawa tuala dan botol air sendiri.
- (9) Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan dan sanitasi tangan disediakan di pintu masuk dan tempat-tempat yang bersesuaian.

- (10) Individu yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan bermain.
- (11) Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.
- (12) Kemudahan **locker room** dan **tempat mandi** adalah **dibenarkan**.
- (13) Papan tanda dan poster langkah-langkah pencegahan COVID-19 hendaklah dipaparkan.
- (14) Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148.

b. Tempahan.

- (1) Kolam Renang hendaklah menyelenggara sistem tempahan dan jadual masa bagi memastikan keselamatan kakitangan dan pengguna;
- (2) Jumlah maksimum pengguna setiap jam hendaklah ditentukan oleh pihak Kolam Renang dan mestilah mengikut peraturan yang ditetapkan bahawa had operasi adalah pada **kadar kapasiti 80%** tertakluk kepada kapasiti kolam berkenaan;
- (3) Masa pembersihan adalah pada jam 12.00 tengahari hingga jam 2.00 petang. Manakala hari Jumaat jam 11.30 pagi hingga 2.00 petang;

c. Peraturan Kolam Renang.

- (1) **Kafeteria, restoran atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa iaitu pada kadar **kapasiti 100%**. Penyediaan makanan secara **buffet** adalah **dibenarkan dengan syarat makanan buffet dihidangkan (serve) oleh pekerja premis makanan**;
- (2) Tidak dibenarkan berkumpul sebelum atau selepas menggunakan kolam renang di dalam atau di sekitar Kolam Renang;
- (3) Penggunaan tandas dibenarkan dan perlu disanitasi setiap masa;
- (4) Pihak Kolam Renang hendaklah menyediakan prosedur bagi memastikan keperluan penjarakkan sosial dipatuhi di kawasan kolam renang;
- (5) Pihak Kolam Renang hendaklah menyediakan prosedur bagi memastikan peralatan kolam renang adalah selamat digunakan dan amalan sanitasi dilaksanakan;

- (6) Semua pembantu Kolam Renang hendaklah memakai *face mask* dan sarung tangan;
- (7) Pengguna digalakkan untuk membawa *disinfectant* sendiri sebagai perlindungan;
- (8) Pemilik kolam renang untuk memastikan **tahap klorin adalah mengikut piawaian kesihatan** yang ditetapkan.

2. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

a. Pendaftaran.

- (1) Pengguna hendaklah mengimbas QR code Kolam Renang sebaik sahaja ketika tiba dan selesai bermain bagi tujuan pengesanan kontak jika diperlukan.

b. Tanggungjawab Pengguna.

- (1) Pengguna hendaklah memastikan mereka menjaga jarak sekurang-kurangnya 1 meter semasa di kawasan kolam renang;
- (2) Menjaga **kebersihan diri**;
- (3) Menggunakan peralatan persendirian;
- (4) Membawa *disinfectant* sendiri sebagai perlindungan;
- (5) Jangan menyentuh muka, mata, dan mulut tanpa membersihkan tangan.
- (6) Penjarakkan sosial adalah penting dan pengguna hendaklah meninggalkan Kolam Renang dengan segera.